

Rancang gubal undang-undang kawal proses gabung syarikat

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) merancang menggubal undang-undang bagi memperuntukannya kuasa mengawal proses penggabungan syarikat di negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Iskandar Ismail pada satu sidang media semalam, berkata perkara itu sudah dimaklumkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Katanya, di Malaysia atau khususnya MyCC tidak mempunyai kuasa untuk berbuat demikian, sebaliknya hanya berperanan memantau syarikat selepas penggabungan berlaku.

"Malaysia atau MyCC tidak ada kuasa mengawal penggabungan (syarikat). Di Singapura dan Filipina, mereka (kerajaan) ada (kuasa), maksudnya mereka boleh menghentikan penggabungan, tetapi kita tidak boleh.

"Sudah tiba masanya, kita ada kuasa untuk kawal penggabungan. Jadi, apa-apa perubahan kepada undang-undang atau penambahbaikan undang-undang perlu melalui kementerian (KPDNHEP). Kementerian pun sudah tahu dan ia dalam perancangan," katanya.